Joran edisi Internet:

Jumaat
11 Ogos 2006
BIL: 512

# BERITA HARIAN Joran




SIAKAP ternakan Projek Korasin Semerak (PKS) mencapai saiz 6 hingga 10 kilogram. Lokasi itu bakal menjadi gelanggang Kategori Pantai, 19 Ogos ini.

Muka 5





KUMPULAN Hooken On C Team 1 dengan seekor daripada ikan layar yang mereka pancing dalam RPBIC 2006 di Rompin, Ahad lalu. Kumpulan itu muncul juara Kategori Berpasukan dan meraih RM9,000.

Muka 3

# Jagoan RPBIC 06







Pusingan ke-4 karnival LKIM-GP Joran La Tour D' Pancing di Bachok, Kelantan pada 18 dan 19 Ogos ini.

# Hook On C Team 1 juara berpasukan RPBIC 2006

ROYAL PAHANG

BERITA HARIAN



JAGOAN: (Dari kiri) Cheah, Charles dan Daryl muncul juara RPBIC 2006 dengan jumlah tangkapan seberat 192.99 kg.

ROMPIN: Hook On C Team 1, ternyata sukar digugat apabila berjaya mempertahankan kejuaraan dengan muncul juara Kategori Berpasukan bagi Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2006 di sini, Ahad lalu.

Team dari Singapura itu dianggotai Charles Lee, Daryl Ching dan Cheah Soon Nan. Sejurus dinobatkan juara RPBIC 2005, Hook On C Team 1 melahirkan Hook On C Adventures bagi mempromosikan sukan memancing khususnya di perairan Rompin.

'C' membawa maksud nama tiga rakan karib itu yang masing-masing bermula dengan huruf 'C' - Charles, Ching dan Cheah.

Kemenangan kali kedua itu turut membakar semangat mereka untuk lebih cergas mempromosikan ikan layar Rompin kepada dunia.

"Kami juga kini aktif mempromosikan aspek komersil team ini dan sudah ada beberapa pihak setuju menaja team kami tahun depan," kata Lee.

Hook On C turut membawa kumpulan antarabangsa sejauh Ireland dan Australia memancing di Rompin selain pakej ke Pulau Riau, Indonesia dan Malaysia timur.

"Kami juga menjalin kerjasama dengan majalah pancing di Australia dan Amerika Syarikat.

"Malah ada kecenderungan majalah pancing Fishing World di Australia untuk membawa pemenangnya menyertai RPBIC 2007," katanya yang bertekad membawa lebih banyak pasukan asing menyertai acara itu tahun depan.

Hook On C Team 1 memenangi RM9,000, trofi dan sijil selaku juara daripada Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Kamaruddin Siaraf, pada majlis penutup acara itu di Serai di Lanjut Beach & Golf Resort.

## PEMENANG KATEGORI INDIVIDU

1. Tan Chee Kong (Sin) Layaran – Tackleworld A 78.89 kg – RM7,000
2. Cheng Hee Peng (Sin) Layaran – SML 64.00 kg – RM4,000
3. Ho Hee Fong (Sin) Layaran – Falcons 57.41 kg – RM2,000
4. Mohd Yousoff Ibhjee (Mas) – Layaran – Hookers 53.01 kg – RM500
5. Daryl Jes Ching (Mas) Layaran – Hooked On C1 50.80 kg – RM500
6. Charles Lee (Sin) Layaran – Hooked On C1 50.07 kg – RM500
7. Cheah Soon Nan (Mas) Layaran – Hooked On C1 49.50 kg – RM500

## PEMENANG KATEGORI BERPASUKAN

1. Hooked On C1 (Sin) – RM9,000
2. Tackleworld B (Sin) – RM4,500
3. SML (Sin) – RM3,000
4. Kloegmacher (Mas/Sin) – RM600
5. Falcons (Sin) – RM600
6. Tackleworld A (Sin) – RM600
7. Janggut Ah Siang (Sin) – RM600



LANCAR: Peserta dan marshal sedia menaiki bot menuju lokasi pertandingan.

### MAKLUMAN

UNIT Joran selaku peneraju urus setia operasi Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2006 memohon maaf bagi sebarang kesulitan berikutan perubahan kedudukan pemenang Kategori Berkumpulan acara itu akibat masalah teknikal dalam sistem kiraan berkomputer yang digunakan.

Kesilapan itu berlaku apabila sistem gagal memberi kiraan tepat bagi jumlah tiga ekor ikan terberat untuk memilih pemenang Kategori Berpasukan.

Akibatnya, kedudukan pemenang dalam keputusan yang diumumkan pada majlis penutup acara itu, tidak tepat.

Keputusan bagi Kategori Individu bagaimanapun kekal dan tiada berlaku sebarang kesilapan.

Selepas kiraan semula secara manual, barisan pemenang Kategori Berkumpulan adalah seperti disiarkan.

Ketika membincangkan masalah itu, Unit Joran dan Persatuan Memancing Malaysia (PeMM) selaku penasihat teknikal mengambil keputusan untuk melantik wakil bebas menduduki panel akhir yang akan memperakukan pemenang dalam RPBIC 2007.

PERTANDINGAN MEMANCING
" CABARAN IKAN AIR TAWAR PALING BERAT "
Tarikh/Masa 10 SEPT 2006 BERSAMAAN 17 SYAABAN 1427 (8PG – 1 TGH)
Tempat AGRO CAM, BG. PASIR, SEMENYIH, SELANGOR
1 JORAN RM 70 (1 JORAN 1 PESERTA)
1 RM12,000 + TAKAFUL BERKELOMPOK
2 RM2,000 + TAKAFUL BERKELOMPOK
3 RM 1,000 + TAKAFUL BERKELOMPOK
4-10 RM 100 + TAKAFUL BERKELOMPOK
CABUTAN BERTUAH 40 CABUTAN
HAMPER + TAKAFUL BERKELOMPOK
Shahir 012-3560306
Zain Zainal 017-2323008
Faisal 019-3302540
019-2235040
PENYERTAAN TERHAD

AFAMOSA RESORT MALAYSIA
PERTANDINGAN MEMANCING HARI MERDEKA '06
31hb Ogos 2006 (Khamis)
Masa : 8.00pg – 1.00tgh
Tempat : Tasik Utama, A' Famosa Resort
Yuran Penyertaan : RM70 / 1 joran
Menangi Wang Tunai Keseluruhan RM 15,000.00
Kemeja-T dan tiket Water World PERCUMA untuk 350 peserta awal
Hadiah Utama
Juara-RM 8,000
Tempat Ke-2-RM 3,000
Tempat Ke-3-RM 1,000
Hadiah Sampingan
Juara Spesies-RM 150
Tempat Ke-2-RM 100
Tempat Ke-3-RM 50
Penaja: MAGGI
Pertandingan Sampingan!!
www.afamosa.com | 03-2781 8888




BH PILIH J4 11 (emel)

# Daftar esok, Ahad di KL

KUALA LUMPUR: Unit Joran akan membuka kaunter pendaftaran pada Sabtu dan Ahad ini kepada pemancing yang mahu menyertai Kategori Laut untuk pusingan keempat Karnival LKIM-GP Joran La Tour D'Pancing yang akan diadakan di Bachok, pada 18 dan 19 Ogos ini.

Mereka yang berminat boleh ke Unit Joran, di Ibu Pejabat Berita Harian di Bangsar esok mulai jam 10 hingga 5 petang dan tempoh yang sama, Ahad ini.

Peserta Kategori Laut perlu berkumpul di Jeti LKIM Pengkalan Petah, Bachok mulai jam 8 pagi Jumaat depan (18 Ogos) bagi mengesahkan pendaftaran. Mereka akan berlepas ke laut dari Jeti itu jam 2.30 petang.

Peserta terbabit akan memancing kira-kira 17 jam di Karang Payung dan sekitarnya dan mesti balik ke jeti yang sama sebelum jam 11 pagi Sabtu.

Yuran Kategori Laut RM170 untuk dua joran manakala Kategori Pantai RM80 satu joran.

Kaki joran juga boleh mendaftar melalui 10 cawangan Berita Harian di seluruh negara seperti senarai dipamerkan.

Pendaftaran Kategori Pantai juga boleh dibuat di Jeti Pengkalan Petah mulai jam 9 pagi Jumaat depan.

Keterangan hubungi **03-22822323** sambungan **4240, 4241** dan **4242.**

# Pakej bas ke Bachok RM75

SHAH ALAM: Kaki pancing dari Lembah Klang boleh mendaftar menyertai pakej bas rombongan anjuran Persatuan Pemancing-Pemancing Shah Alam Selangor (PPPSAS) bagi membawa pemancing menyertai pusingan keempat Karnival GP Joran 2006 di Bachok, Jumaat minggu depan.

Presidennya, Jaafar Zainuddin, berkata setiap penumpang dikenakan bayaran RM75 pergi dan balik.

Ruang berdasarkan pendaftaran terawal kerana tempat duduk adalah terhad di mana pemancing berminat hubungi Jaafar: **019-2195874.**

# JB ke Bachok RM100

JOHOR BAHRU: Pemancing Johor dan Singapura turut berpeluang menyertai Karnival GP Joran 2006 di Bachok menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan dengan hanya membayar RM100 seorang untuk tambang pergi dan balik.

Mereka yang berminat hubungi Hanafi Khalid: **013-7144933.**

GP JORAN 2006

## PUSAT PENDAFTARAN

1. Berita Harian Alor Setar
   **Azmi/Jo/04-7310526**
2. Berita Harian Pulau Pinang
   **Liza/Azlina 04-2270948**
3. Berita Harian Ipoh
   **Rodhiah 05-2546598**
4. Berita Harian Seremban
   **Naim/Hussin 06-7622149**
5. Berita Harian Melaka
   **06-2827748**
6. Berita Harian Muar
   **Junita 06-9522226**
7. Berita Harian Batu Pahat
   **Mohd Roji 07-4314949**
8. Berita Harian Johor Bahru
   **Mizal 07-3311621**
9. Berita Harian Kota Bharu
   **Rose 09-7461172**
10. Berita Harian Kuala Terengganu
    **Hashima Mohd 09-6236366**
11. Berita Harian Kuantan
    **Noreda 09-5142600**
12. Berita Harian Kuching
    **Matzidi 082-330246**



KEMBANG: Seekor daripada 185 ikan layar yang dapat ditanda dalam pertandingan di Rompin, Ahad lalu.



BESAR: Seekor lagi layar tumpas.



IKSI: Mohd



LEPAS: Layar ini dilepaskan sejurus ditanda.



CEKAP: Pe

# RPBIC 2007 dipacu ke sirkit duni

Oleh Kamal Ahmad

ROMPIN: Dengan 436 sentapan dan 185 ikan layar (sailfish) atau Istiophorus platypterus ditanda kemudian dilepaskan semula sudah cukup mengesahkan perairan di sini khususnya Karang DKI, Karang Cha, Karang Batu Mati, Karang Luas, Batu Berhala, Karang Rompin, Tukun Tayar dan Batu Saga adalah syurga ikan layar terbaik di dunia.

Ini dibuktikan melalui Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2006 anjuran Unit Joran Berita Harian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang dan Tourism Malaysia yang menjadikan perairan di sini sebagai gelanggang acara pada 5 dan 6 Ogos lalu.

Dengan jumlah tangkapan dan sentapan yang direkodkan maka purata daripada 120 peserta RPBIC 2006 menerima sentapan dan tiap seorang mendapat 'lesen' memancing.

Rekod sentapan hari pertama (Sabtu) ialah 146 dan 77 dapat ditanda. Hari kedua menyaksikan Batu Saga dan sekitar Karang DKI adalah lubuk terbaik apabila majoriti peserta tertumpu ke situ sekali gus mencatatkan 290 sentapan dan 108 tangkapan.

Ikan layar menggemari umpan yang dilepaskan dengan menggantung belon. Kaedah melepaskan umpan hidup kurang dipraktikkan dalam acara ini.

Bot laju yang digunakan menjadikan tempoh pergi balik ke lokasi mengambil masa singkat. Kemahiran tekong juga kian meningkat dengan keupayaan mengendur bot dengan pantas. Enjin bot yang digunakan 70hp x 2 unit yang mampu melakukan pecutan 36 batu nautika sejam sehingga enjin 125 seunit untuk pecutan maksimum 398 batu nautika sejam. Saiz bot 27 hingga 36 kaki selesa untuk membawa tiga peserta selain seorang tekong dan marshal.

Sebanyak 40 pasukan daripada 18 negara bakal bersaing merebut RM83,900 yang ditawarkan dalam RPBIC 2006. Mereka dari Singapura, Filipina, Perancis, Indonesia, China, Australia, New Zealand, Kanada, Hong Kong, United Kingdom, Zimbabwe dan Afrika Selatan selain tuan rumah, Malaysia.

RPBIC 2004 menyaksikan 23 pasukan dengan 69 peserta dari Malaysia, Singapura dan Zimbabwe. Angka itu meningkat kepada 33 pasukan dengan 99 peserta tahun lalu dari Australia, Filipina, China, Jepun, Singapura, United Kingdom, Kanada dan Malaysia.

RPBIC mendapat pengiktirafan dunia kerana mengamalkan konsep tangkap dan lepas (catch and release). Ini bermakna RPBIC tidak mengorbankan walau seekor layar berbanding acara di negara lain yang menggantung spesies itu di kayu gandar pameran ikan.

Pemantauan pertandingan dilakukan oleh marshal mendapat pengiktirafan Persatuan Memancing Malaysia (PeMM) sekali gus meningkatkan pengakuan bahawa acara ini dianjurkan secara profesional dan telus. Unit Joran dan PeMM juga setuju melantik panel bebas mendudukki barisan terakhir penghakiman RPBIC 2007 supaya proses menentukan kejuaraan pemenang lebih tepat, bebas serta telus.

Majlis pe sung gemi Jabatan Ke Negeri Pah hadiri den Pemantaua

Kehadir Malaysia, S membantu Berdasarka baraan wak dan pemia di Rompin.

Sedaha dibuat mal acara itu d Sasaran To nya 30 pas pun ada ke membawa peserta.

**FAKTA NOMBOR**

**250**
peserta sasaran 2007

**436**
sentapan direkodkan



Tamizam Abdul Karim dari Team Pekmed.



SEPASANG: Peserta dari Singapura dengan dua pendaratan serentak.



...erta dengan saranan.



PANTAS: Alf Milford dari Tiger Fish.



LAMBUNG: Aksi akrobatik layar cuba melolaskan diri.



KEMENANGAN: Team Good Catch dari Filipina.

# ...a

...nutup RPBIC 2006 juga berlang-
...ang. Penampilan gadis penari dari
...budayaan, Kesenian dan Warisan
...ang memukau kira-kira 300
...jan lima set tarian tradisi Melayu.
...ni itu mendapat pujian peserta.
...n wakil daripada 12 media dari
...ingapura dan Australia turut
...promosi RPBIC akan datang.
...n pencarian di internet, ada 124
...yang memaparkan kisah, pakej
...gaan lain membabitkan ikan layar

...mestinya, persiapan RPBIC 2007
...at malam Ahad lalu sehingga
...anjurkan pada Ogos tahun depan.
...atism Malaysia sekurang-kurang-
...ukan menyertai RPBIC 2007 walau-
...omitmen daripada Unit Joran untuk
...masuk 80 pasukan dengan 250



HAMPIR: Ikan layar ditarik hampir ke bot.



PRO: Mejar (B) Ismail Faisol dari Tica Malaysia beraksi.

Petua Pak Nuri

## Diesel ubat sakit perut

SEMASA di laut jika pemancing diserang sakit perut yang berpanjangan dan luar biasa sehingga tidak berdaya untuk ke tandas untuk buang air besar, langkah pertama selain daripada mengambil ubat sakit perut yang dibawa oleh tekong dalam kotak pertolongan cemas, minyak gamat juga baik disapu pada ari-ari perut.

Jika ini semua tidak ada dalam bot, anda harus ikhtiar dengan mengambil sedikit minyak diesel dan satu ulas bawang merah digaul lalu disapu pada bahagian perut, jangan diurut kuat kerana ini mungkin boleh merosakkan kulit perut anda yang nipis itu.

Banyak minum air suam kemudian berihat atau baring supaya perut tidak terhimpit. Jika anda berasa lapar jangan makan masakan pedas, memadai anda mengambil makanan seperti bubur atau roti.

Jangan memancing dengan keadaan perut yang belum pulih sepenuhnya, ini mungkin akan mengundang penyakit anda akan lebih berbahaya. Minta bantuan rakan pemancing jika perlu.

Dalam bot tidak ada klinik cuma rakan pancing serta tekong yang patut anda minta pertolongan di samping mengamalkan petua tradisi seperti menyapu perut dengan ubat panas atau bawang merah dipecahkan dan disapu pada perut untuk beberapa kali, selain itu ikhtiar yang boleh dilakukan dengan menekan jari tangan kepada pusat sambil salawat dan melurut ke bawah untuk beberapa kali lalu memohon kepada Allah untuk kebaikan.



MENCABAR: Aksi ikan layar terbang memang dinanti setiap peserta sebelum memulakan pertarungan.



AGRESIF: Ikan layar melayang ke udara untuk melepaskan diri.

# Orang dapat marlin, kita dapat tuka

Sally
SUanda
Joran

Minggu ini Sally nak ubah selera
Tulis gurindam sambil berseloka
Pasal kaki pancing empunya cerita
Sertai RPBIC 2006 tak dapat apa

*Bukan aku nak reka cerita*
*Juga bukan mahu burukkan mengata*
*cerita benar yang sudah nyata*
*Kini Pok Ming hilang kata-kata*

Masa daftar semua macam juara
Bermacam umpan juga dibawa
Bot mewah, pancing pun sudah jumpa
Pokoknya semua dicuba belaka

*Kepulangan dah memang dijangka*
*Peserta kita semuanya hampa*
*Hanya buang duit dan juga masa*
*Kan lebih baik duduk rumah saja*

Tapi Pok Ming mana nak terima
Kejab Sally dia tuduh buta-buta
Katanya kita yang buruk sangka
Reka cerita tak bersandar fakta

*Kaki pancing negara belum juara*
*Itulah ayat Pok Ming sering juga*
*Sedangkan kita tidak seberapa*
*Padahalnya jadi bahan ketawa*

Sekarang mana nak letak muka?
Juaranya semua orang Singapura
Walau negara sekangkang kera
Tapi mereka menang satu, dua, tiga

*Tan Chee Kiang muncul juara*
*Dia ni orang Cina Singapura*
*Pemenang sebelah punya juara*
*Penolongnya jugak Melayu kita*

Memang pelik susah nak terima
Semua tekong orang kita belaka
Lubuk pun dah sangat terbiasa
Tapi masih tak mampu jadi juara

*Apakah salah dan apakah dosa*
*Jangan kita masuk di takuk lama*
*Alamatlah hendak dibelah muka*
*Profesional kita berputih mata*

Itulah nasib kaki pancing kita
Sekali tengok macam juara dunia
Tapi masuk RPBIC tak bermaya
Orang dapat marlin kita hanya tuka

ROYAL PAHANG
BERITA HARIAN



MENJADI: Dua layaran mengena serentak di sebelah pagi.



PUAS: Pemancing memegang paruh layaran.



CEKAP: Pemancing mengukur layaran sebelum dilepaskan.

PERTANDINGAN MEMANCING
12 Ogos 2006 ( 8.30 mlm - 1.00 pg )
JETI PELABUHAN, TG. LANGSAT, P. GUDANG, JOHOR
1 RM11,000
2 RM4,000
3 RM2,000
KE 4 - RM 500
KE 5 - RM 300
KE 6 - RM 200
KE 7 - RM 150
KE 8 - RM 140
KE 9 - RM 130
KE10 - RM 120
KE 11-15 - RM 110
KE 16-20 - RM 100
KE 21-30 - Saguhati
400 baju-T
400 beg
21 hadiah
100 hadiah
Maklumat Lanjut Sila Hubungi
: Razali - 012 - 708 1402 / 019 - 7640019 / 07 - 2542692

BH PLUH J10 11 (Jemel)

TEKONG ANDA

# Teoh pakar di Beting Sedepa

RUMAH Api Beting Sedepa, yang terletak di tengah-tengah Selat Melaka dan hampir mencium beting tanah seberang Indonesia memang menjadi buruan kaki pancing yang gemar memancing di bang ke samudera itu atau mencari lubuk di perairan yang dihuni spesies ikan gred A.

Justeru, untuk ke sana atau memancing sekitar perairan yang mengambil masa tiga jam perjalanan dengan bot berkuasa tinggi, tekong Teoh Siong Kiat atau Tokong Teoh adalah antara yang boleh membawa anda dengan bot mewahnya.

Anak kelahiran Sungai Buloh, Jeram, Selangor itu beristeri dengan dianugerahkan empat anak. Beliau memiliki sebuah bot canggih yang lengkap dapur masak, tandas, kabin tempat tidur yang selesa serta petak meletak batang joran pada kiri kanan bot bagi memudahkan pelanggan menjalani aktiviti memancing dalam satu-satu masa yang tertentu.

Teoh yang sejak kecil sudah berjinak dengan laut di sebelah sini sentiasa berhati-hati ketika berada di laut. Ini terutamanya dalam keadaan laut yang dibimbangi terjejas dengan perubahan cuaca tidak menentu sejak tragedi tsunami melanda negara dua tahun tahun lalu.

Namun pengalaman dijadikan petua selama ini dan beliau dapat mencium bau ribut atau angin kencang yang bakal turun.

Apa pun, untuk mencari tempat berlindung di sekitar perairan tengah laut antara pantai dengan kawasan Beting Sedepa adalah sukar. Justeru, pelanggan terpaksa menghadapi sebarang kemungkinan cuaca buruk dengan tabah dan berani.

Bagi kaki pancing yang ingin khidmat tekong Teoh ke Beting Sedepa atau sekitar perairan Pulau Angsa boleh hubungi: **013-6063363/013-6348528.**

**Teoh Siong Kiat**





KENANGAN: Peserta RPBIC 2006 merakam kenangan bersama tetamu VIP.



IKHLAS: Yazid menyerahkan RM5,000 kepada Ibrahim.

# Tajaan untuk RPBIC 2006 terus diterima

ROMPIN: Seramai 120 peserta menyahut cabaran Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2006 di sini, Sabtu dan Ahad lalu.

Acara berprestij di Asia itu dirasmikan oleh Menteri Sains dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis, di Jeti Kampung Pantai Bernas tepat jam 8 pagi Sabtu.

Turut hadir, Exco Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Maznah Mazlan dan Timbalan Pengarang Kumpulan BH-SB, Ahmad Tajuddin Baharuddin.

Sementara itu, RPBIC 2006 mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk penajaan daripada PowerBar, Chalet Kampung Merchong dan pemilik Kolam Memancing Pak Akob.

PowerBar menaja makanan tenaga Performance Bar dan Power Gel bagi membantu memberikan tenaga tambahan kepada peserta RPBIC selepas penat bertarung dengan ikan layar serta marlin.

Chalet Kampung Merchong di Pekan, Pahang menghulurkan wang tunai RM5,000 dan penajaan diberikan oleh pemiliknya, Yazid Nordin, kepada Penolong Pengarang Joran, Ibrahim Muhamad.

Chalet itu turut menjadi tempat penginapan 51 marshal dari Persatuan Memancing Malaysia (PeMM) dan pelajar Kelab Kembara Unit[…] Kampus Bandar Muadzam Shah.



TERIMA KASIH: Pengurus Pemakanan (PowerBar), Mohamed Rahimi Abdullah menyampaikan tajaan kepada Penolong Pengarang Joran, Ibrahim Muhamad.

"Kami turut menawarkan pakej memancing ikan layar," katanya dengan menghubungi **019-9866769.**

Pemilik Kolam Memancing Pak Akob, Ramli Mahat, di Kampung Senibong, Johor Bahru menyumbang wang tunai RM1,000. Tajaan diterima Pengarang Joran/Projek, Kamal Ahmad.

Kaki pancing yang berminat ke premis itu hubungi Ramli: **017-7748777.**



SERBU: Petugas Celcom melayan pelanggan mendapatkan Golden Number.



BANTU: Ramli turut menghulur tajaan bagi menjayakan RPBIC 2006.

MeRAPU KeRAPU





# Karang DO lubuk layar dunia

Oleh Helmi Hamzah

ROMPIN: Gelanggang Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2006 sengit dengan pertarungan peserta menentang ikan layar dalam keadaan laut bergelora akibat angin tenggara.

Seramai 120 peserta dalam 40 pasukan dari Malaysia, Singapura, Filipina, Jepun, China, Australia, United Kingdom, Kanada, New Zealand, Zimbabwe, Afrika Selatan, Indonesia dan Perancis mempertaruhkan kemahiran dan nasib selama 17 jam dalam tempoh dua hari bagi memburu gelaran juara acara kali ketiga itu yang menawarkan hadiah RM31,000.

Persaingan antara peserta dan mangsa ketara pada hari pertama apabila 77 ikan layar ditanda dan dilepaskan semula. Jumlah sentapan hari itu ialah 146.

Pada hari kedua, jumlah layar yang ditanda dan dilepaskan meningkat 108 ekor menjadikan jumlah keseluruhan 185 ekor. Sejumlah 290 sentapan direkodkan pada hari kedua.

Perairan sekitar Karang DO menjadi tumpuan hari kedua dengan anggaran 30 bot berlegar memburu layar. Lubuk lain ialah Batu Tok Keramat, Karang Bubu, Batu Berhala serta Karang Cha.

Musim ikan layar di perairan ini bermula April dan memuncak pada Ogos hingga Oktober. Namun jumlahnya mendatar sepanjang Jun.

Selain yang ditanda, ada peserta terlepas sehingga tujuh ekor layar dalam acara ini. Dan seorang peserta, contohnya, Mejar (B) Ismail Fenol (gambar atas) memperoleh lima ikan layar pada hari kedua selepas tumpas sama sekali hari pertama.

Selain cabaran memburu layar, peserta berhadapan dengan cuaca. Pada hari pertama, angin tenggara tiba seawal jam 3 petang ketika peserta bersiap untuk balik ke Jeti Kampung Pantai Baru dan berakhir lebih sejam kemudian. Pada hari kedua RPBIC 2005, angin tenggara melanda gelanggang seawal jam 9 pagi.

Pada hari kedua, laut bergelora seawal jam 11 pagi dan memuncak jam 3 petang selepas peserta berlepas dari jeti pada jam 7 pagi.

Pengawasan keselamatan peserta dibantu pasukan polis marin Kuantan.

**FAKTA**

**185** ikan layar ditanda

**436** ikan ragut umpan

## IKAN SUKAN



### Bawal Tanda

IKAN bawal tanda atau saintifiknya *Trachinotus baillonii* boleh ditemui di sekitar perairan negara ini terutama di perairan pesisiran pantai dan batu karang.

Berat maksimum ikan ini adalah kurang sekilogram dan boleh dijinakkan dengan menggunakan hirisan ikan, hirisan sotong dan udang. Tali pancing yang sesuai digunakan ialah 10 paun dengan set joran aksi ringan. Memandangkan mulutnya kecil, mata kail nombor 7 sesuai digunakan.

Spesies ini berenang di bawah permukaan air serta pertengahan. Ia bergerak secara berkumpulan sekali gus memudahkan pemancing untuk mengesannya.

## PRODUK BARU

### Sup Ikan




ADABI Consumer Industries Sdn Bhd, memperkenalkan satu lagi produk baru, bonjot sup ikan yang pasti akan menambahkan lagi perisa serta kelazatan sup yang dihidangkan.

Keluaran terbaru ini adalah hasil ramuan pelbagai sumber asli dan berkualiti untuk menjamin kelazatan makanan terutama kaki pancing yang membawa pulang hasil tangkapan untuk keluarga.

Bonjot sup ikan adalah sebahagian daripada perencah sup yang dikeluarkan Adabi. Sebelum ini syarikat berkenaan sudah memperkenalkan bonjot sup ayam dan daging sebelum ini.




### Kunyah Mentos

SOCMA Trading (M) Sdn Bhd mempersembahkan gula-gula getah Mentos chewing gum ice yang menyegarkan dan turut sesuai buat kaki pancing ketika menunggu umpan diragut mangsa.

Gula-gula nyaman sejuk seperti air batu ini selesa dikunyah dan dapat membantu menambah kegirangan kaki pancing ketika penat mereka beraksi di laut ataupun di sungai.

Mentos jenis ini diperoleh dalam tiga perisa oren dan pudina manakala ia boleh dijual RM1.20 setiap sebungkus. Keterangan hubungi: 03-78727200.

Diterbitkan oleh Berita Harian Sdn Bhd dan dicetak oleh The New Straits Times Press (M'sia) Berhad (4485-H), 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur